


PACAT SAYAP BIRU
Blue-winged Pitta

FAMILI: Pittidae
NAMA SAINTIFIK: *Pitta moluccensis*



CIRI-CIRI

Burung pacat dewasa spesies ini boleh dibezakan di antara burung-burung pacat yang lain dari segi warna hitam di bahagian kepala dengan jalur lebar berwarna coklat cerah pada bahagian atas mata dan mempunyai leher yang berwarna putih. Pada bahagian belakang dan sebahagian sayap berwarna hijau manakala pada bahagian bawah badan berwarna coklat pucat serta bahagian dasar ekor bawah berwarna merah. Pada bahagian atas ekor dan hujung ekor berwarna ungu kebiruaan gelap dan bulu ekor pula berwarna kehitaman. Bulu pada bahagian atas sayap pula kebanyakannya berwarna ungu kebiruan gelap. Semasa terbang, tompok putih boleh dilihat dengan jelas pada bahagian sayap.

SAIZ

Panjang burung ini dari hujung paruh hingga hujung ekor adalah di antara 18-20.5 sm.

MAKANAN

Ia memakan semut, serangga, cacing, larva, dan siput yang selalunya dihempas ke atas batu.

HABITAT

Burung Pacat Sayap Biru mendiami kawasan hutan dipterokap, hutan sekunder, kawasan berbuluh, juga di kawasan taman, kebun dan hutan paya bakau hingga ke ketinggian 800 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi kuat dan jelas *taew-laew taew-lew* (dengan nada *laew* ditekankan) berulang-kali setiap 3 hingga 5 saat. Ia mengeluarkan bunyi *skyeew* jika rasa terancam.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan spesies ini adalah dari bulan April-Ogos setiap tahun dengan burung betina boleh menghasilkan telur di antara 3-7 biji di dalam sarang yang berbentuk seakan-akan kubah di atas tanah atau kadang-kala di atas pokok hingga 4 m dari aras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.